

# AMANAT TAHUN 2014




**PROFESOR DATO'  
DR. ASMA ISMAIL**  
Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia

**20 MAC 2014**  
Dewan Besar USIM

*"Menjajarkan Pelan Strategik USIM  
ke arah Pengukuhan Agenda  
Integrasi Ilmu Naqli & Aqli"*





# AMANAT TAHUN 2014

**PROFESOR DATO'  
DR. ASMA ISMAIL**  
Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia



**Pengurusan Tertinggi  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**



**MENGUCAPKAN  
SELAMAT TAHUN BAHARU  
2014M**

# AMANAT TAHUN 2014

**PROFESOR DATO'  
DR. ASMA ISMAIL**  
Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia



Penerbit USIM  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan  
2014

**CETAKAN PERTAMA 2014**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit USIM terdahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

**PENERBIT USIM**

Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai

71800 Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 8226/6081 Faks: 06-798 6083

*penerbit.usim.edu.my*

*pej.penerbitan@usim.edu.my*

**Penerbit USIM adalah anggota  
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

**ONLINE PRINTING NETWORK SDN. BHD**

No. 49B, Jalan Anggerik,

Vanilla N31/N Kota Kemuning,

Seksyen 31, 40460 Shah Alam. Selangor.

Tel: 03-5131 2458 Faks: 03-5131 2458

*onlineprint@gmail.com*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Asma Ismail

MENJAJARKAN PELAN STRATEGIK USIM KE ARAH  
PENGUKUHAN AGENDA ILMU NAQLI DAN AQLI / PROFESOR  
DATO' DR. ASMA ISMAIL

ISBN 978-967-440-081-1

1. Universiti Sains Islam Malaysia.
2. Education, Higher--Aims and objectives--Negeri Sembilan.
3. Universities and colleges--Negeri Sembilan.

I. Judul.

378.595117


# Menjajarkan Pelan Strategik USIM ke Arah Pengukuhan Agenda Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

oleh

**Profesor Dato' Dr. Asma Ismail**

**Jam 9.30 pagi, Khamis, 20 Mac 2014**

**Bertempat di Dewan Besar USIM**





MALAYSIA  
BERHAD



**6** Pengukuhan Agenda  
Integrasi Ilmu Naqli & Aqli

Syukur Alhamdulillah pada hari ini kita diberi peluang dan diberi kesihatan untuk bersama berhimpun pada Majlis Amanat Tahun 2014 di dalam Dewan Besar USIM yang indah tersergam ini.

Saya kira belum terlambat untuk saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2014 kepada seluruh warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kerana kita masih lagi berada dalam suku yang pertama tahun 2014. Semoga tahun ini kita dapat menggandakan momentum dan kekuatan untuk terus membina USIM pada tahap yang lebih tinggi dan terkehadapan.

Sebelum saya meneruskan bicara, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh warga USIM bermula daripada Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU), Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Jabatan, Staf Pentadbiran dan Akademik, barisan Majlis Perwakilan pelajar, para Mahasiswa dan Mahasiswi, serta seluruh warga USIM yang sentiasa memberikan khidmat terbaik dalam membangun dan memacu universiti sehingga sampai ke tahap sekarang ini.

**“Anggaplah bekerja dan belajar sebagai ibadah untuk mempunyai *internal benchmark* yang tinggi”**



Pada kali ini kita adakan Majlis Amanat dalam Dewan Besar yang telah melalui banyak cabaran dan memerlukan masa empat tahun untuk disiapkan. Amanat ini sengaja dilambatkan supaya ia dapat memberi tarikh akhir kepada kontraktor untuk menyiapkan dewan. Dewan ini akan dibuka secara rasmi dalam masa yang terdekat dan dengan ini Insya-Allah sebelum akhir tahun 2014, USIM akan mencatatkan sejarah untuk menjalankan Majlis Konvokesyen ke-12 dalam dewan besarnya sendiri. Bagi pihak universiti saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF), Bahagian Keselamatan, Konsultan dan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus siang dan malam untuk menyiapkan dewan ini pada tarikh yang ditetapkan. Hadirin sekalian, marilah kita memberi tepukan gemuruh kepada mereka.

Berdirinya saya di sini bermakna setahun telah berlalu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada semua pelajar dan warga USIM yang telah memberi segala pertolongan serta kerjasama untuk membuatkan penghijrahan saya amat dipermudahkan dan bermakna kerana terlalu banyak yang telah saya pelajari sejak berada di sini. Sebenarnya hadirin sekalian perjuangan dalam universiti yang berteraskan Islam tidak boleh dianggap remeh. Harapan masyarakat dan pemegang taruh (stakeholders) adalah amat tinggi sekali kerana kita berpaksikan Quran dan Sunnah. Nilai-nilai murni seperti integriti, amanah, jujur, menghasilkan kerja yang berkualiti, berinovasi, berkreaitif, memohon maaf jika bersalah, mengucapkan syukur Alhamdulillah dan terima kasih jika menerima, mempunyai minda yang terbuka, semuanya perlu ditonjolkan kerana kita lakukannya kerana Allah SWT.

Jika kita semua menganggap bekerja dan belajar sebagai ibadah, tidak ada apa yang perlu kita risaukan kerana kita sudah mempunyai *internal benchmark* yang tinggi. Jadi setiap detik jagalah tingkah laku kita, perbuatan kita, penulisan kita dalam blog atau *facebook* dan percakapan kita agar imej USIM sentiasa dihormati dan disegani. Seperti apa yang kita nyanyikan dalam lagu “USIM Terus Maju; Kan Terus Membela Maruah Kita”.





## HALA TUJU USIM

Pada pagi yang mulia ini, saya berharap dapat menjelaskan kepada semua warga USIM (staf dan pelajar), pemegang taruh dan masyarakat tentang ke mana hala tuju, dan bagaimana untuk membina serta membawa USIM supaya terus mampu bersaing di arus perdana dan di peringkat antarabangsa. Konsep tanggungjawab bersama (shared-responsibility) kita kemudikan dan seterusnya kerjasama untuk membina serta membawa USIM ke arah kegemilangan masih diteruskan. Tanggungjawab bersama ini telah diberi pujian semasa Audit Kesyediaan Autonomi USIM baru-baru ini sebagai amalan terbaik. Tidak pernah lagi pihak auditor melihat tiga Naib Canselor yang bersilih-ganti masih bersama dan berkerjasama untuk membangunkan universiti tercinta seperti di USIM. Konsep tanggungjawab bersama yang merangkumi kesemua ketua PTJ USIM terus diperkasa dan penurunan kuasa telah diberi kepada Dekan dan ketua PTJ untuk membangunkan aktiviti serta kecemerlangan PTJ masing-masing bersama-sama dengan pelajar dan kakitangan.

## IMBASAN PENCAPAIAN USIM 2013

Setelah setahun berlalu, apakah pencapaian USIM setakat ini? Secara visualnya para hadirin telah diperlihatkan dengan pencapaian-pencapaian USIM sepanjang tahun 2013. Namun, suka saya mengulangi semula beberapa pencapaian tersebut dalam ucapan saya ini kerana ia merupakan satu penzahiran penghargaan, tahniah dan terima kasih saya secara peribadi di atas komitmen dan kerja keras semua pihak sehingga berjaya mengharumkan nama USIM. Selain itu, ia merupakan satu motivasi agar lebih banyak lagi pencapaian yang membanggakan boleh kita peroleh pada tahun akan datang untuk kita tambahbaik agar menjadi lebih cemerlang.



# i-IQRA'

CONSORTIUM OF ISLAMIC INSTITUTIONS  
OF HIGHER LEARNING FOR ACADEMIC QUALITY  
AND RESEARCH ADVANCEMENT

Pada usia yang disifatkan masih muda dan perlu melalui banyak proses kematangan, USIM pada awal tahun 2013 telah diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai peneraju Konsortium Institusi Pengajian Tinggi Islam bagi Kualiti Akademik dan Penyelidikan Lanjutan atau dikenali sebagai i-IQRA'. Negara meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat konsortium ini dapat memperkasakan program akademik dan pengajian Islam yang bukan sahaja terhad kepada institusi pendidikan dalam negara tetapi turut menjangkau manfaatnya di peringkat serantau dan rakan-rakan di dalam OIC.

Selaku peneraju, USIM sebenarnya lebih awal daripada itu telah menggerakkan inisiatif dengan dua rakan strategik ASEAN iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei dan Institut Studi Islam Darussalam (ISID), Gontor, Indonesia dalam penganjuran Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI) bermula pada tahun 2012 dan kini telah memasuki edisi ketiga. Kerjasama yang telah sedia terjalin ini akan terus diperkukuhkan untuk membantu memperluaskan rangkaian dan mengangkat jenama i-IQRA' ini ke peringkat antarabangsa.







Saya meyakini USIM telah mula mendapat kepercayaan Kerajaan dan negara bukan kerana kebetulan, tetapi disokong oleh *track record* yang baik dan memberangsangkan. Meneruskan legasi kejayaan yang lalu, USIM membuktikan pengiktirafan yang diterima di peringkat nasional dan antarabangsa menerusi kecemerlangan institusi, kehebatan bakat oleh figura dan ikon serta meraih pencapaian membanggakan di lapangan penyelidikan, penulisan dan penerbitan sehingga mencapai rating 4 bintang bagi MyRa.





Kecemerlangan USIM sebagai sebuah institusi pendidikan diakui oleh Cambridge University apabila mereka menyifatkan USIM sebagai universiti Islam peneraju terkini dengan dipandu oleh visi dan misi yang unik serta progresif. USIM sememangnya unik kerana inilah satu-satunya institusi yang mengangkat integrasi naqli dan aqli dalam kurikulum serta tadbir urus. Buatlah carian di mana-mana enjin carian (search engine) seperti google dan yahoo, hanya USIM yang akan terpapar apabila dikaitkan dengan integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Insyallah , pada keluaran April 2014 nanti, Cambridge University akan menampilkan USIM sebagai salah satu paparan dalam penerbitannya bertajuk Excellence in Higher Education.

### “Excellence in Higher Education”




USIM turut mencipta sejarah dan mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila ia memenangi tiga anugerah daripada Europe Business Assembly (EBA) ataupun Dewan Perniagaan Eropah semasa Majlis Anugerah Socrates (Socrates Award Ceremony) yang diadakan di London pada 16 hingga 19 Disember 2013. Kejayaan USIM dalam memenangi Best Regional University, Best Manager of the Year dan Best Scientist 2013 memberi peluang kepada USIM untuk mengukuh dan memartabatkan Sains Islam di peringkat global bertepatan dengan tema USIM sendiri iaitu Mempelopori Sains Islam, Memimpin Keilmuan.



**EUROPE BUSINESS ASSEMBLY (EBA)**



Nama USIM turut bergema di arena antarabangsa menerusi kehebatan yang ditonjolkan oleh ikon dan bakat-bakat figuranya sama ada kakitangan mahupun pelajar. Antara rangkuman pengiktirafan tersebut diperolehi menerusi Anugerah Gold Medal dan Double Gold (Special Award) International Invention of The Year pada the 13<sup>th</sup> British Invention Show (BIS), London iaitu penampilan pertama pelajar USIM dalam pertandingan antarabangsa yang mempunyai prestij, Johan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri, menerima Special Award – World Invention Intellectual Property Association (WIIPA) bagi produk yang turut memenangi emas pada Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) dan pemilihan tiga pelajar USIM ke 6<sup>th</sup> Science Conclave Allahabad, India iaitu program dialog dan ramah mesra bersama saintis terkemuka dunia serta Pemenang Anugerah Nobel. Ini merupakan satu pengiktirafan yang tinggi oleh Kerajaan India kerana hanya yang terbaik dari Asia akan dipilih untuk mengambil bahagian.



Dalam pada USIM mula menerima perhatian antarabangsa, kecemerlangan universiti di peringkat nasional terus mendapat pengiktirafan. Portal USIM telah menerima penarafan 5 Bintang daripada Malaysian Government Portal and Websites Assessment (MGPWA) dan menduduki tempat pertama dalam kalangan 20 IPTA serta berada di top 5 bagi keseluruhan portal agensi kerajaan yang dinilai.



Dalam aspek penyelidikan, figura muda (pelajar) USIM menyinar dalam Novel Research & Innovation Competition (NRIC) dengan memperolehi 1 emas, 1 perak dan 5 gangsa dan terpilih sebagai Best Presenter dalam Community Research & innovation Competition (CoRIC) manakala dalam penganjuran



i-Inova '13, penyelidik dan pelajar USIM telah memenangi keseluruhan 6 emas, 2 perak dan 7 gangsa. Dalam pentas PECIPTA pula, kumpulan penyelidik USIM memperolehi 1 emas, 6 perak dan 5 gangsa. Secara keseluruhan, USIM telah memenangi 52 anugerah, 29 daripadanya merupakan anugerah di peringkat kebangsaan dan 23 adalah anugerah di peringkat antarabangsa sepanjang tahun 2013.



Lain-lain anugerah yang memperlihatkan kecemerlangan bakat figura dan ikon USIM antaranya adalah menerima Anugerah Buku Negara kategori Anugerah Industri Buku-Suntingan Terbaik, Anugerah Utama pada Majlis Anugerah MAPIM dan Anugerah Akademik Negara kategori Penerbitan Makalah Jurnal (Sains Sosial/Sastera).

Pencapaian USIM bukan sahaja diukur menerusi bilangan anugerah yang diperolehi. Kejayaan USIM memperolehi geran berjumlah RM5 juta di bawah Niche Research Grant Scheme (NRGS) memberi suntikan kepada kumpulan penyelidik USIM untuk menggiatkan aktiviti penyelidikan Sains Islam. Mungkin ramai pada awalnya tidak menyangka USIM boleh melonjakkan penyelidikan dengan dana jutaan ringgit, namun saya yakin, tiada yang mustahil dengan syarat perlu kerja kuat dan usaha dilipatgandakan. NRGS merupakan perintis kepada penyelidikan yang menggabungkan kedua-dua ilmu naqli dan aqli USIM pada skala yang besar. Penyelidikan berkaitan Makanan Sunnah atau Prophetic Food ini menemukan 51 ahli akademik USIM dalam disiplin yang berbeza iaitu berlatarbelakangkan pendidikan konvensional dan agama.




**“Fundamental Approaches Towards Usage and Mechanisms of Prophetic Food In Preserving Health”**

**RM5,000,000.00**



Peningkatan USIM di dalam indeks jurnal ISI dan pencapaian 4 bintang bagi MyRA juga tidak boleh dikesampingkan. Peningkatan ini merupakan refleksi kepada peningkatan kualiti penyelidikan USIM.

### BILANGAN PENERBITAN USIM – JURNAL ISI (2006-2013)



### USIM MyRA ACHIEVEMENTS





Satu lagi pencapaian yang membanggakan USIM adalah kejayaan memperoleh dana bagi penubuhan Kursi Akademik atau Professorial Chair. USIM telah diberi peruntukan sebanyak RM500,000 oleh Yayasan Nurul Yaqeen yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi Kursi Akademik Kepimpinan Islam dan sebanyak RM300,000 bagi Kursi Kewangan dan Perbankan Islam daripada Yayasan Tun Ismail Ali yang ditubuhkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Manakala Menteri Besar Negeri Sembilan bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah menawarkan dua lagi Kursi Akademik kepada USIM dengan nilai yang akan ditentukan. Perolehan dana bagi Kursi Akademik ini memberi faedah serampang dua mata kepada USIM, pertama melonjakkan penyelidikan dan penerbitan USIM dan kedua peluang membawa tokoh tersohor untuk menyandang Kursi Akademik berkaitan ke USIM.



4

KURSI AKADEMIK

**YAYASAN NURUL YAQEEN**  
RM500,000.00

**YAYASAN TUN ISMAIL ALI**  
RM300,000.00

2 **MAJLIS AGAMA  
ISLAM NEGERI  
SEMBILAN (MAINS)**



Usaha universiti untuk *Branding and Positioning* telah mula membuah kerana masyarakat telah mula mengenali USIM berdasarkan jumlah pelajar yang memohon ke USIM melalui UPU adalah lebih daripada 23,000 orang untuk mengisi hanya 2500 tempat sahaja pada tahun 2013. Kita juga telah mendapat 2800 pelajar yang memilih USIM sebagai pilihan pertama iaitu sekali lagi melebihi tempat yang sedia ada.



Kesemua pencapaian di atas telah menunjukkan bahawa USIM sudah dikenali di peringkat kebangsaan sebagai universiti tempatan yang berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Kita juga telah diberi pengiktirafan sebagai pelopor dalam bidang sains Islam dan menjadikannya sebagai bidang tujahan universiti.



## CABARAN PENGAJIAN TINGGI

Sebelum kita meneliti apakah cabaran pada USIM bagi tahun 2014, mari kita lihat dahulu cabaran global bagi pengajian tinggi. Dunia pengajian tinggi sekarang menghadapi persimpangan jalan (cross-roads) sama ada hendak meneruskan agenda ranking seperti Times Higher Education Ranking atau QS World University Rankings atau memilih untuk menjadi universiti yang relevan kepada kehendak rakyat ataupun masyarakat. Jika ke arah ranking akan memerlukan belanja operasi yang tinggi dan keperluan infrastruktur yang canggih supaya para akademik dan pelajar dapat mengejar penemuan ilmu baru dengan teknologi terkehadapan. Universiti juga boleh memilih untuk menjadi relevan dan sentiasa pertama di hati dan minda masyarakat kerana sentiasa membantu untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan meningkatkan kesajahteraan hidup mereka. Mungkin kita tertanya apakah fungsi universiti pada era sekarang kerana dunia bukan lagi statik tetapi sentiasa berubah.



UNIVERSITY  
THAT IS  
RELEVANT

UNIVERSITY  
THAT MOVES  
IN THE  
RANKING





Going back to basics:  
**Before we decide what kind  
of university we want, we must  
decide what kind of society to  
build.**

**Marco Antonio Dias (Brazil) Director,  
Division of Higher Education, UNESCO,  
Quoted in**

**'The University: Which Way do We Go?',  
UNESCO Sources, No. 85, December 1996**

**The turn-key  
to transform the  
nation is  
*education***

Sebelum ditanya apa jenis universiti yang harus kita rancangkan untuk masa hadapan, kita perlu menjawab apa jenis masyarakat yang kita hendak bina? Ini adalah kerana pendidikan (education) adalah kunci kepada semua transformasi rakyat dan ia membentuk minda masyarakat.

Dunia sekarang sudah penuh dengan perkara tidak bermoral ataupun berintegriti seperti rasuah, pembuangan bayi, penderaan sesama manusia sama ada terhadap kanak-kanak,





wanita atau pembantu rumah dan lain-lain lagi. Dengan itu kita harus lihat apakah cabaran pada pengajian tinggi sekarang supaya dapat kita sediakan kerangka (framework) untuk pengajian tinggi hari ini sebagai penyediaan hari esok.



Untuk memastikan universiti hari ini bersedia untuk hari esok, kita harus melihat dengan minda yang terbuka dan kritikal tentang apa yang berlaku setakat ini. Dunia sekarang menghadapi era digital (digital age) yang membenarkan semua maklumat dihujung jari anda. Untuk menimba ilmu kita sudah tidak perlu menghadiri kuliah.

Masalah besar kedua adalah krisis ekonomi dunia yang amat menjejaskan konsep pengajian tinggi itu sekarang. Subsidi operasi universiti daripada kerajaan terus meruncing sehingga universiti diminta untuk mencari kewangan sendiri sebanyak 30% untuk menampung keperluannya. Menara gading yang menjadi tempat kita mendidik generasi masa depan untuk mempunyai minda yang kritikal dan berwawasan sekarang diminta untuk menjadi instrumen menjana kewangan dan membangunkan ekonomi negara. Dengan itu universiti




harus melakukan transformasi di luar norma (business unusual) dan perlu melihat cara operasinya supaya mampu bersaing di pasaran pengajian tinggi dunia dan masih menjadi tempat menimba ilmu. Dengan krisis ekonomi kita juga lihat bahawa industri sudah mula menentukan (dictate) ke mana arah universiti. Untuk menjadi relevan, universiti telah menyediakan kursus untuk memastikan pelajar mendapat kerja dan semakin lama mata pelajaran liberal arts seperti falsafah, sejarah, pemikiran kritikal kesemuanya yang tidak relevan atau sukar untuk mendapat pekerjaan sudah tidak diminati pelajar. Sebenarnya kursus sebeginilah yang akan mengajar pelajar bagaimana hendak menilai maklumat yang banyak yang mereka hadapi di dalam internet. Mereka banyak membaca blog, *facebook*, *twitter* dan seumpamanya sehingga tidak lagi mampu menilai mana maklumat yang boleh diguna dan yang mana yang tidak berasas.

**“In other words, without studies in liberal arts which include Islamic studies and values, when faced with information overload, the society can no longer differentiate noise from signal”.**




Untuk menjana kewangan menerusi cara yang paling pantas dan cepat adalah dengan meningkatkan yuran pengajian terutamanya di kalangan pelajar antarabangsa yang sekarang membayar yuran kos pembelajaran yang amat tinggi. Akibatnya universiti di serata dunia hanya boleh mengambil mereka yang mampu membiayai yuran ataupun mempunyai biasiswa. Dengan yuran yang tinggi ramai di antara pelajar yang tidak mampu akan tercicir dan tidak lagi akan mendapat peluang ke universiti. Tanpa pelajaran tinggi dalam dunia ekonomi yang berasaskan pengetahuan, yang miskin akan terus miskin dan tanpa pelajaran juga, tidak akan ada cara lain lagi untuk mengubah nasib mereka.





Apabila peruntukan meruncing, kerajaan akan meminta nilai pulangan berbentuk ROI (return of investment) bagi semua peruntukan yang diberi. Maka dengan ini lahirlah konsep Performance-Driven, Outcome-Based Budget dan Key Performance Indicators (KPI). Sekali lagi tujuan universiti untuk membentuk sahsiah pelajar dan kewibawaan pelajar diganti dengan mengejar KPI. Banyak perkara intangible yang tidak dapat diukur diketepikan. Perlu dinyatakan bahawa *experiential learning* dikelaskan sebagai *intangible*.





**“pembelajaran melalui pengalaman boleh menginsafkan pelajar”**



Apabila pelajar membuat latihan sangkutan ataupun melawat negara lain, pembelajaran secara pengalaman akan dipelajari, diingati dan mempunyai impak dalam hidup selamanya. Boleh dikatakan pembelajaran melalui pengalaman boleh menginsafkan pelajar. Ia adalah di antara banyak lagi aspek pengajaran dan pembelajaran sewaktu di Universiti yang tidak dapat diukur.

Sekiranya diibaratkan sebagai *iceberg*, yang nampak iaitu KPI hanya pada bahagian kecil di atasnya, besar lagi bahagian bawahnya (KIP) yang kita tidak nampak. Einstein juga telah membuat ungkapan “Not everything that counts can be counted and not everything that can be counted counts”.





**“Not everything that counts can be counted and not everything that can be counted counts”**

**Albert Einstein**




Dengan itu universiti dalam membentuk masyarakat dan generasi masa hadapan perlu melakukan kedua-duanya; aktiviti yang boleh diukur (*tangible*) dan aktiviti yang tidak boleh diukur (*intangible*). Universiti perlu melahirkan insan yang seimbang yang boleh membina masyarakat dan membawanya ke tahap yang lebih tinggi.

Di negara China, mereka sudah mengambil keputusan untuk tidak menurut cara pengajian tinggi di barat. Mereka mahu meningkatkan pengajaran *liberal arts* di universiti kerana mahu melahirkan pelajar seimbang yang menghayati nilai-nilai murni, berintegriti dan pada masa yang sama hebat dalam ilmu kontemporari dan teknologi terkini.

Dengan apa yang berlaku di peringkat global, inilah masanya untuk USIM menyemak kembali apa yang berlaku di dalam universiti untuk membentuk hala tuju yang mampu dilaksanakan (*workable*) dan boleh melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, mampu menggajikan orang dan mampu mencetuskan peluang pekerjaan pada yang lain.

**“USIM must not only produce graduates with high employability rate but also be placed in strategic areas of the country and be in the position not only to generate jobs but to also create new opportunities for others”.**








## HALA TUJU USIM 2013 -2025

Dengan melihat apa yang berlaku di peringkat global, USIM sebagai universiti yang berteraskan Islam memilih untuk menjadi universiti yang menjadi pakar rujuk (Referred), yang dihormati (Respected) dan relevan (Relevant) pada masyarakat. Dengan berkonsep 3R ini, USIM akan berusaha menjadi agen penyelesaian masalah (solution provider) bagi industri tempatan dan ummah. Sama seperti apa yang dilihat oleh negara China, Falsafah, Misi dan Visi USIM sudah berada pada landasan yang amat tepat dan sesuai dengan dunia sekarang, masa hadapan dan pada bila-bila masa sahaja.



## WHERE IS USIM HEADING?

Dengan itu hala tuju USIM pada 2025 adalah untuk menjadi universiti terkemuka dunia untuk integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Pada 2013 kita sudah mencapai pengiktirafan sebagai universiti peneraju terkini (*emerging leader*) bagi integrasi ilmu Naqli dan Aqli di peringkat kebangsaan. Kita akan

bergerak untuk menjadi universiti pemimpin di peringkat serantau (regional) sebelum melonjak ke peringkat dunia. Untuk menjadi universiti terkemuka dunia, kita akan usahakan pengintegrasian ilmu Naqli dan Aqli secara berperingkat agar lima tahun dari sekarang semua aspek USIM bermula daripada pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, pentadbiran dan pengurusan, pengantarabangsaan, pembangunan sahsiah pelajar dan staf, kelestarian kewangan, libatsama komuniti serta governan dan polisi USIM akan diubahsuai dengan baik agar menganuti falsafah integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Pada tahun 2014, kita akan menjajarkan semua strategi dan pelan perancangan USIM agar dapat bersedia untuk melonjak ke arah kecemerlangan pada tahun 2015 nanti.


**“National reference university for the integration of Naqli and Aqli knowledge”**

**“Pioneering Islamic science and building it as a niche area”**

Ini adalah satu cabaran besar bagi USIM kerana pelaksanaannya tidak mudah. Ia memerlukan kerjasama dan keupayaan (*effort*) dari semua pihak untuk melakukannya. Saya pasti tidak ada penghalang kerana kita semua mempunyai kepercayaan yang sama bahawa dengan berpaksikan Quran dan Sunnah inilah yang akan menjadi model kerangka terbaik



## Where is USIM heading?



bagi pengajian tinggi di Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sudah menyatakan bahawa dasar pendidikan negara bagi sekolah sudah ke arah integrasi Naqli dan Aqli. Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) juga telah mula membuka perbincangan bahawa universiti di Malaysia juga perlu ke arah pengajian tinggi yang berteraskan Qalbu (Kalbu) dan model USIM adalah satu contoh yang dipilih untuk dikongsi bersama.

Setiap universiti yang terkenal perlu juga ada *niche area* atau bidang penempuan yang menjadi tujahan bagi universiti tersebut. Harvard University memang tersohor akan tetapi niche area bagi Harvard adalah dalam bidang Perniagaan (Bisnes), Undang-undang dan Perubatan. Pada 2013 apabila diperkenalkan bahawa USIM akan mempelopori sains Islam, dunia Islam dan bukan Islam sama ada tempatan atau antarabangsa amat kagum tentang kebolehan universiti berteraskan Islam untuk menerajui sains Islam. Kita telah mampu untuk membuka bidang tujahan tersebut untuk geran NRGs, KPM dan sekarang geran LRGS dalam Sains Islam juga telah dibuka oleh KPM untuk dibida oleh semua IPT di Malaysia. Untuk menghasilkan manusia seimbang, USIM perlu mampu menggunakan kaedah saintifik untuk menggali ilmu daripada Quran dan Sunnah. Memandangkan USIM mempunyai tenaga pengajar dan penyelidik dalam sains dan pengajian Islam, kita harus berkerjasama, berbincang dan berganding bahu supaya titik pertemuan berlaku untuk meneraju Universiti menjadi pelopor dalam bidang sains Islam untuk memimpin keilmuan. Kita perlu teruskan usaha ini daripada segi penyelidikan agar dapat mengembalikan kegemilangan Islam ke persada dunia sekarang.




## **BAGAIMANA MENCAPAI HALATUJU?**

Terdapat tiga kumpulan besar staf akademik di USIM. Kumpulan pertama daripada Quran dan Sunnah (25.2%) kedua daripada bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan (28.2%) dan yang ketiga dari kalangan kumpulan Sains, Teknologi, Kejuteraan, Perubatan dan Pergigian (45.1%). Terdapat juga ahli akademik yang mempunyai ilmu Naqli dan Aqli (1.5%). Sebenarnya pensyarah sains sudah hampir dua kali ganda jumlahnya di universiti ini. Dalam universiti yang berteraskan Islam, adalah menjadi harapan universiti agar setiap bidang untuk terus melakarkan kecemerlangan dalam bidang masing-masing. Cabaran besar bagi USIM adalah bagaimana untuk meningkatkan usaha mengintegrasikan ilmu Naqli and Aqli antara tiga kumpulan besar ini. Adalah diharapkan usaha yang positif ini akan membentuk ekosistem di USIM yang akan memberi hasil :

1. Melahirkan graduan yang seimbang dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa;
2. Menyediakan kurikulum Naqli dan Aqli yang unik;
3. Melakukan penyelidikan yang relevan pada industri dan mampu membantu kesejahteraan hidup rakyat dan ummah;
4. Berusaha ke arah kelestarian kewangan;
5. Memberi perkhidmatan ke arah pematuhan syariah;
6. Menyediakan governan untuk menarik dan mengekalkan bakat yang terbaik dan
7. Memindahkan ilmu untuk membawa perubahan yang lestari pada masyarakat







Sekiranya kita mampu mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli, Insya-Allah kita akan menjadi universiti yang sentiasa dirujuk dan dihormati sebagai universiti terkemuka global bagi integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Ilmu yang digali daripada Quran dan Sunnah apabila digabung dengan ilmu dan teknologi terkini akan membuahkan penemuan baru dan inovasi yang relevan kepada masyarakat, negara serta ummah. Dengan ini, universiti akan menjadi nadi pada pembangunan masyarakat setempat ataupun kepada manusia sejagat dan kita akan sentiasa di dalam doa mereka kerana kita sudah menempa tempat yang istimewa di hati dan minda masyarakat. Ini adalah satu usaha yang lebih bermakna kepada USIM daripada mendapat *Top 100 World Class Universities* tetapi tidak di dalam hati dan minda rakyat. Yang terbaik adalah untuk warga universiti menjalankan kewajibannya sebagai ibadah supaya sentiasa menjalankan tugas kita dengan berkualiti samada dalam pengajaran, pengurusan, pentadbiran, perkhidmatan mahupun penyelidikan. Jika semuanya berkualiti tinggi, maka tidak ada alasan kenapa USIM tidak boleh terbaik dalam ranking juga.

### **PELAN STRATEGIK USIM 2013-2025**

Pihak Universiti telah merangka pelan strategik untuk memastikan perancangan halatuju serta keperluan USIM untuk mencapai KPI serta outcomes dalam Pelan Strategik 2013-2025. Dalam usaha ke mercu kegemilangan, USIM harus melalui tiga fasa. Fasa Pertama adalah berkenaan *Branding and Positioning* yang telah dimulakan pada tahun 2013 dengan tertubuhnya Pusat Komunikasi Strategik. Fasa kedua adalah fasa Penjajaran dan Pemantapan (Re-aligning and Consolidation) dan fasa ketiga adalah Menghasilkan Kecemerlangan (Delivering Excellence).






# The path towards excellence is performed in 3 phases

## Phase 1 : Branding and Positioning of USIM (2013)

There is need to ensure that the brand name is well known and positioned in the areas that highlights USIMs strengths

## Phase 2 : Consolidating USIM (2014)

To re-align and consolidate the integration of Naqli and Aqli in the academic curriculum, research, talent development, service and community engagement



## Phase 3 : Delivering Excellence (2015)

Towards global reference university for Naqli and Aqli knowledge



AMANAT  
NAIB CANCELOR  
TAHUN 2014

Vision  
Mission  
Objective



3

Outcomes

18 Outputs

Strategy

Action  
Plan

KPI

USIM  
Branding

Talent

Curriculum

Research

Governance

Services

Long Term,  
(2018-2025)

Middle Term,  
(2015-2017)

QW  
(2013-2014)





Pada tahun 2014, kita akan bergerak untuk menajjar dan memantapkan enam bidang iaitu penjenamaan (Branding), Bakat (Talent), Kurikulum, Penyelidikan dan Inovasi, Perkhidmatan dan Governan. Pelan strategik USIM telah mengenalpasti 18 output yang merangkumi keperluan universiti, KPM dan LPU yang akan membawa 3 outcomes iaitu 3R, Global Reference University for the Integration of Naqli and Aqli Knowledge dan Being No. 1 in the Hearts and Minds of the People.

Untuk memantau sama ada kesemua outcome berjalan dengan baik, sebuah Jawatankuasa Pelan Strategik USIM akan ditubuhkan dan pencapaian USIM setiap tiga bulan akan dilaporkan kepada JKPU dan LPU. PTJ juga akan melaporkan pencapaian KPI masing-masing setiap enam bulan supaya Visi, Misi dan Objektif universiti sentiasa terjujang.

Apabila ditanya apakah faktor kritikal untuk melonjakkan sesebuah universiti? Jawabnya adalah Governan, Bakat (Talent), Sumber dan Infrastruktur yang kondusif (Resources). Apabila ditanya adakah kita sama dengan USM, UKM, UPM, UTM? Jawabnya kita sama tapi tak serupa. Terdapat persamaan antara IPTA dan keunikan masing-masing juga tertera. Bagi USIM terdapat satu faktor kritikal yang bagi saya tidak kurang pentingnya iaitu Ekosistem dalam sesebuah universiti tersebut. Ekosistem walaupun berciri *intangibile*, tetap memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah universiti.


Jika universiti ini kita ibaratkan sebagai sebatang pokok, akar yang mengukuhkan pokok tersebut adalah bakat, governan dan sumber. Buah yang dihasilkan pokok tersebut adalah



kurikulum, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan, dan libatsama komuniti. Subur atau tidak pokok tersebut adalah bergantung pada bajanya. Bagi saya integrasi ilmu Naqli dan Aqli adalah baja pada USIM yang akan menentukan ekosistem di universiti ini. Ia merupakan baja pada pembangunan modal insan yang seimbang dengan budaya kerja ataupun budaya ingin menimba dan menguasai ilmu yang terpuji, baja pada governan yang baik lagi adil dan baja untuk memastikan sumber diperolehi dan digunakan dengan betul dan secara gunasama. Integrasi ilmu Naqli dan Aqli adalah baja terbaik yang mampu menjana ekosistem yang akan mendorong warga USIM untuk sentiasa melakukan yang terbaik untuk universiti tercinta. Sekiranya baja ini diserap masuk ke dalam akar dengan baik maka suburlah pokok. Sebaliknya jika baja tidak diserap masuk ke akar dan diabaikan, walaupun modal insannya dari kalangan yang terbaik, tanpa nilai murni, beretika dan berintegriti maka pokok itu tetap tidak akan subur dan akhirnya akan mati jua. Begitu juga dengan pembangunan universiti. Ekosistem yang menyelubungi universiti tersebut amat penting untuk melonjakkan kegemilangan universiti dalam masa yang terdekat.



## Integrating Naqli and Aqli





### • *Branding and Positioning*

Pada tahun 2013 kita telah menyusun strategi Branding and Positioning bagi USIM dan buahnya sudah terserlah. Kita telah banyak mendapat anugerah berprestij dan telah mendapat ramai pelawat daripada universiti luar negara dan tempatan yang mahu membuat USIM sebagai rakan strategik mereka.

Pada tahun 2014 usaha *Branding and Positioning* ini akan diteruskan dengan lebih pesat pada tahun ini dengan menengahkan Falsafah, Misi dan Visi USIM iaitu “Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli Membentuk Generasi Unggul” bukan saja kepada masyarakat luar akan tetapi juga pada warga USIM sendiri. Ungkapan Integrasi Naqli dan Aqli bukan lagi sebagai falsafah atau ditulis dalam laporan tahunan tetapi pada tahun ini universiti akan cuba mempraktikkannya secara berperingkat.


Dengan penjenamaan yang telah dilakukan, kini terdapat 22 sekolah kluster/angkat telah memilih USIM sebagai destinasi pada pelajar mereka selepas SPM nanti. Apa yang kita lihat sekarang walaupun kita diminta mencari ilmu hingga ke China, sebenarnya di kaca mata orang lain, sudah banyak IPT di dalam atau di luar negara yang sudah menganggap USIM sebagai China bagi mereka.






AMANAT  
NAIB CANSOLOR  
TAHUN 2014

*“Seek knowledge even as far as China”*



USIM is someone's China





### • **Pemantapan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli**

Apabila semua rakan kita datang ke USIM untuk berguru, kita perlu menunjukkan bukti tentang apa yang telah dilakukan pada kurikulum kita yang mencerminkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli dalam penyampaian kursus tersebut kepada pelajar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh universiti untuk memastikan tenaga pengajar daripada pelbagai disiplin ilmu faham tentang apa yang dimaksudkan dengan integrasi ilmu Naqli dan Aqli dan bagaimana patut kita reka kurikulum tersebut. Perlukah kita memperkasakan pengajian Halaqah pada pelajar? Pendek kata kita perlu sediakan kerangka (framework) untuk menghasilkan kurikulum yang mempunyai integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

Bagi kakitangan bukan akademik pula, apakah latihan yang mereka perlukan untuk membantu mereka menjalankan tugas, memahami dan membantu universiti dalam usaha ke arah integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Pihak pentadbiran dan pengurusan juga harus melakar bagaimana mewujudkan ekosistem, prasarana serta polisi pentadbiran yang mencerminkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli di dalam kampus. Bagi pelajar daripada aliran agama dan daripada luar negara apa pula usaha yang ingin dilakukan supaya pelajar juga memahami falsafah universiti yang mereka bakal menempuhinya.





Tahun 2014 adalah tahun kita perlu *walk the talk*. Kita tidak boleh menanggung lagi dan perlu memantapkan usaha murni ini dan meletakkan USIM sebagai model contoh integrasi ilmu Naqli dan Aqli pada tahap yang membanggakan. Apabila mantap usaha konsolidasi ekosistem ini barulah universiti mempunyai pelantar atau platform untuk melonjak ke hadapan menuju mercu kegemilangan.

## Tahun 2014: “Walk The Talk”



## Memorandum Of Understanding Signing

Between

And

May 5<sup>th</sup> May 2014  
Services Sdn. Bhd.  
Tropicana Business Park



Justeru, universiti akan menubuhkan Jawatankuasa Induk Integrasi Naqli dan Aqli dan di bawahnya akan diwujudkan Jawatankuasa Pemandu bagi Pembangunan Kurikulum (Akademik), Pembudayaan Penyelidikan, Pembangunan Bakat, Perkhidmatan serta Pemindahan Ilmu untuk menyediakan kerangka supaya universiti dapat memantau dan melaksanakan agenda integrasi ilmu Naqli dan Aqli di USIM.

Dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran, kita boleh lihat beberapa *trend* yang sedia ada. *Trend* paling senang adalah kita mengajar pelajar dalam bidang sendiri dan tidak ada kaitan dengan disiplin yang lain. Kalau beginilah trennya maka kita akan terus pisahkan ilmu Naqli dan ilmu Aqli dan masing-masing dibiarkan berkembang tanpa ada kaitan di antara dua korpus ilmu ini. Terdapat juga usaha ke arah multidisiplin di mana ia berkonsep *double major* akan tetapi kaitan di antara




dua disiplin ini kurang jelas kerana walaupun di bawah satu rumah, masing-masing masih terikat dengan disiplin masing-masing. Bila kita ke arah interdisiplin barulah kita mula menunjukkan ciri integrasi antara 2 korpus ilmu.

Pelajar yang belajar ilmu Naqli dan Aqli boleh diminta untuk menyelesaikan masalah dengan adanya seminar atau diskusi panel yang menggalakkan team teaching atau tenaga pengajar berpasukan yang merangkumi mereka yang dilatih dalam ilmu Naqli dan Aqli untuk sama-sama terlibat dalam menyampaikan kupasan ilmu Naqli dan Aqli dalam kes berteraskan masalah atau problem-based learning. Dengan konsep *team-teaching* bukan saja pelajar yang belajar, pensyarah juga akan belajar dalam cara pengendalian kes berkenaan.

Ini bukanlah bermakna setiap kursus mesti ada Naqli dan Aqlinya akan tetapi kita patut melihat secara keseluruhan program tersebut dan mereka bentuknya (*design the curriculum*) supaya ada ruang untuk integrasi ilmu Naqli dan Aqli. *Team-teaching* adalah konsep yang dipraktikkan sekarang di pengajian tinggi global kerana maklumat sedia ada dalam sesuatu bidang adalah begitu mendalam sehingga seseorang tidak lagi mampu untuk mengetahui semua ilmu itu dengan baik dan mendalam. Yang terbaik adalah transdisiplinari di mana terdapat hubungkait yang rapat antara ilmu Naqli dan Aqli dan ianya merentas disiplin asalnya. Kita mungkin akan mencapai tahap ini apabila lebih ramai lagi pensyarah USIM yang telah dilatih dalam bidang keduanya sekali.

Sementara itu strategi universiti adalah untuk mengambil dari kalangan pelajar terbaik USIM yang sudah dipupuk dengan ilmu Naqli dan Aqli untuk kembali menjadi pensyarah di USIM.

# Jawatankuasa Induk Integrasi Naqli & Aqli





Di mana bidang yang masih lopong, Dekan akan diminta untuk mengenal pasti bidang tersebut contoh dari Quran dan sunnah untuk belajar ilmu sains di peringkat Master atau PhDnya daripada kalangan felo siswazah USIM. Ini adalah pelaburan yang menjamin masa depan USIM untuk terus menjulang falsafahnya ke mercu kegemilangan.

Pada tahun ini, semua PTJ telah diminta untuk menyemak (review) kurikulum masing-masing dan memulakan usaha pengintergrasian sekiranya masih belum berbuat demikian.

Dalam Islam, ilmu itu berasal dari sumber yang satu. Sabda Rasulullah “Aku tinggalkan dalam kalangan kamu dua perkara yang kamu tidak sekali kali akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w”.


Untuk mempraktikkan pengintegrasian ilmu Naqli dan Aqli bukanlah satu perkara yang mudah. Ia bersangkutan dengan ilmu yang telah dipelajari oleh pensyarah sendiri terutamanya pensyarah dalam bidang sains. Sekularisme telah memisahkan ilmu Naqli dan Aqli. Dalam konsep sekularisme, penemuan dan kefahaman sains tidak akan dikaitkan dengan keagungan Tuhan Yang Maha Esa. Dengan itu kebanyakan dalam bidang sains tidak ada langsung naqlinya dalam konsep memahami, menggali serta menguasai ilmu sains. Akan tetapi kita semua ketahui terdapat fakta sains yang terkandung dalam Quran dan Sunnah. Sekiranya ia boleh digabungkan semestinya ia dapat menghasilkan ummah yang sejahtera. Jadi untuk memulakan usaha integrasi Naqli dan Aqli kita mesti wujudkan titik pertemuan antara pelbagai disiplin di USIM supaya nampak kaitannya antara ilmu Naqli dan Aqli.



**“...untuk memulakan usaha integrasi Naqli dan Aqli kita mesti wujudkan titik pertemuan antara pelbagai disiplin di USIM supaya nampak kaitannya antara ilmu Naqli dan Aqli”**




Salah satu cara untuk mewujudkan titik pertemuan ini adalah dengan mengumpul ayat al-Quran dan hadith dan ditunjukkan bagaimana ia berkait dengan sesuatu disiplin ilmu Aqli seperti perubatan, sains kemanusiaan, sains fizik atau kimia. Dalam era digital yang memerlukan ilmu dihujung jari, adalah perlu untuk diwujudkan indeks yang menyenaraikan ayat al-Quran dan hadith dan indeksnya disusun mengikut disiplin ilmu Aqli. Kita juga dapat melihat sama ada ayat tersebut merentas disiplin ilmu Aqli. Indeks yang dijanakan akan ditempatkan dalam sistem pangkalan data yang canggih lagi pintar (*intelligent*) yang mampu membenarkan penggunaanya menggali ilmu dengan pelbagai cara pertanyaan dan kaitan. Pangkalan data canggih ini boleh juga ditambah dengan penemuan sains dari jurnal saintifik yang ada kaitannya dengan ilmu yang digali berpaksikan ayat al-Quran dan hadith. Pada masa hadapan pangkalan data ini boleh diperluaskan lagi dengan ilmu fiqh dan fatwa dan lain-lain yang dikira perlu dan setiap kali penambahan data, menjadi lebih pintar dalam usaha untuk kaitan maklumat.





مرکز الدراسات الإسلامية بولاية جوهر (مسسة)  
INSTITUT PENGAJIAN TERAHAM JOHOR (MARSAH)

وأمره بينم  
Sipala Utra Dipulu





Projek perintis Universiti bagi penyediaan indeks al-Quran dan hadith akan diketuai oleh Fakulti Quran dan Sunnah dan dibantu oleh Fakulti Sains dan Teknologi untuk menyusun indeks ini mengikut pelbagai disiplin ilmu Aqli. Diharapkan penyediaan kandungannya akan dibantu oleh semua PTJ di USIM. Projek perintis ini akan dilakukan dengan pembiayaan geran penyelidikan USIM dan dijangka akan siap dalam masa dua tahun. Setelah siap, ilmu yang terkandung dalam pangkalan data tersebut akan diwakafkan untuk penggunaan semua penyelidik serta cendekiawan Islam di serata dunia.



عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
قَالَ تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ  
وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ - الإمام مالك

Dari Abu Hurairah, r.a., dari Nabi s.a.w., bahawa Baginda bersabda:

*“Aku tinggalkan dalam kalangan kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah (s.a.w.)”*



### • **Pembangunan Sumber Manusia**


Pembangunan sumber manusia merupakan antara faktor kritikal dalam pembangunan universiti. Untuk melonjakkan pembangunan universiti kita perlu ada lebih bilangan pensyarah senior daripada pensyarah muda. Universiti tidak dapat menunjukkan kematangan dan kredibiliti jika penyelidikan dan perjalanan program akademik hanya dilaksanakan oleh staf akademik yang muda.

Di USIM, 73% staf akademik adalah daripada kalangan pensyarah muda. Dengan itu pada tahun 2014, para Dekan telah diminta untuk mencari dan mendapatkan Profesor atau tahap Prof Madya untuk mengisi kekosongan jawatan di USIM. Universiti juga boleh mengambil pensyarah *expatriate* sementara menunggu staf kita tamat pengajian. Dalam usaha untuk mengekalkan staf di USIM universiti boleh meningkatkan jumlah *exercise* kenaikan pangkat supaya staf akademik muda boleh naik ke tahap Prof Madya dan mereka daripada Prof Madya ke tahap Profesor.

Dengan mengambil kira kumpulan yang berbeza antara kakitangan akademik, universiti telah menubuhkan Jawatankuasa Pendefinisian Bidang Kritikal dan jalur kenaikan pangkat bagi bidang pengajian Islam. Dalam masa yang terdekat Bahagian Modal Insan juga akan melihat kembali kriteria kenaikan pangkat bagi bidang perubatan dan pergigian.



# ALLOCATION OF STAFF







### • **Penyemakan Governan atau Polisi di USIM**

Dalam usaha untuk memastikan ekosistem di USIM mengenengahkan falsafahnya, Pengurusan dan Pentadbiran juga harus menyemak kembali polisi dan governan di universiti sama ada berlandaskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli supaya berlaku adil dan saksama. Sepertimana pembangunan kurikulum akademik, persoalan yang sama juga akan digunakan dalam penyelesaian masalah bagi kes pentadbiran. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya staf pentadbiran yang senior dan mempunyai banyak pengalaman dapat membentuk Makmal Pentadbiran (sama konsep seperti Makmal Pemandu) untuk membincang kes pentadbiran yang rumit dan memberi penyelesaian yang berintegrasi ilmu Naqli dan Aqli. Kompilasi kaedah penyelesaian kes tersebut akan diterbitkan dan boleh digunakan untuk rujukan dan mencetuskan polisi baru di USIM yang lebih mencerminkan falsafah universiti.

### • **Pakej Kesejahteraan ICT**

Untuk meningkatkan produktivi di kalangan warga USIM pada tahun 2014, universiti akan menyediakan komputer riba bagi penggunaan kakitangan Pengurusan dan Profesional. Jawatankuasa Pengurusan Universiti juga telah meluluskan polisi pengagihan komputer riba pada semua guru Tamhidi dan guru bahasa. Bagi semua kakitangan Gred 17-40 komputer akan dibekalkan mengikut polisi. Pendek kata semua warga USIM akan mendapat aksesibiliti kepada komputer dan internet. Pengagihan ini akan dilakukan secara berperingkat dan dijangka selesai pada tahun hadapan.




## • Kelestarian Kewangan

USIM tidak terkecuali daripada universiti lain yang mana mendapat peruntukan operasi sebanyak 76% saja bagi keperluannya. Ini bermakna USIM perlu menjana kewangan untuk menampung keperluan universiti. Cara terpantas untuk menampung keperluan adalah dengan meningkatkan pembayaran yuran. Ini bukanlah cara yang terbaik dan lestari pada universiti seperti USIM. Yuran pelajar siswazah adalah terkawal. Hanya yuran pascasiswazah boleh menjadi kompetitif. USIM pada tahun 2013 telah mengorak langkah untuk menjana keperluan tambahan melalui wakaf. Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf telah ditubuhkan dan dalam masa kurang daripada 8 bulan USIM telah menjadi universiti pertama diberi status mutawali oleh Majlis Agama Negeri Sembilan.

Dengan penyediaan projek yang ingin dibangunkan, USIM telah mendapat bantuan wakaf sebanyak RM3.5 juta untuk menubuhkan Klinik Pakar Kesihatan USIM dan Pusat Hemodialisis USIM. Insya-Allah klinik ini akan bermula sebelum Ogos tahun ini dan semua warga USIM boleh ke klinik tersebut untuk berjumpa terus dengan doktor pakar. Kita juga akan mengusahakan secara wakaf atau zakat untuk membayar keperluan golongan asnaf yang menerima rawatan di klinik tersebut.

Pada masa yang sama, USIM juga akan mengorak langkah agresif untuk menyediakan *Directory of Expertise* supaya USIM boleh memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh industri tempatan atau multi-national sebagai agen penyelesaian masalah. Kemudahan dan infrastruktur di USIM juga akan diberi peluang untuk menjana kewangan.

# MODEL KEWANGAN USIM






Dengan ini modal kelestarian kewangan USIM adalah dengan cara kombinasi geran kerajaan, sumber dalaman dan melalui wakaf dan endowmen dan Insya-Allah akan mencapai 70% gantungan pada kerajaan pada 2016.

### • Kuasa Lunak (Soft Power) dalam Pengajian Tinggi

Pelaburan pada masyarakat dan ummah tidak akan menjadi usaha yang sia-sia. USIM akan berusaha untuk meneruskan hubungan dengan rakan strategik di dalam dan di luar negara. Hubungan rapat ini akan dimulakan dan diteruskan dengan masyarakat setempat dan di luar negara dengan cara pemindahan ilmu atau memberi peluang untuk menimba ilmu di USIM. Pelaburan secara jangka panjang adalah dengan mencari dan menerima pelajar antarabangsa yang tidak mampu dan apabila diberi peluang untuk menimba ilmu akan dapat mengubah cara dan kualiti hidupnya.

Tabung wakaf Pelajar Antarabangsa dari golongan terkebawah akan ditubuhkan oleh USIM dan pelajar yang layak akan diberi pembiayaan pembelajaran semasa di USIM. Mereka ini perlulah mempunyai potensi menjadi pemimpin masyarakat atau negaranya pada masa hadapan di atas akhlak yang mulia dan ciri kepimpinan yang tinggi. Tabung ini akan diwujudkan secara wakaf daripada kalangan individu, badan wakaf dan institusi luar negara yang ingin membantu pelajar Islam bukan warganegara yang miskin terutamanya dari negara minoriti muslim. Kuasa lunak adalah *soft power* yang kita labur secara jangka panjang kepada pelajar dengan harapan mereka mengingati USIM dan akan membawa nama universiti dibibir dan dikenangannya. Ia merupakan strategi lautan biru yang akan membuahkan kolaborasi pada masa



Tabung Wakaf Pelajar

Tabung Zakat Pelajar

hadapan apabila pelajar ini memegang jawatan yang tinggi di negaranya. Tabung bantuan wakaf pelajar antarabangsa akan dilancarkan dan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Manakala bagi pelajar Malaysia yang kurang berkemampuan, Pusat Wakaf dan Unit Zakat juga sedang berusaha untuk mendapat peruntukan bagi Tabung Wakaf Pelajar. Universiti juga sedang menguruskan Tabung Zakat untuk pelajar.





Kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh USIM menerusi sumber-sumbernya hendaklah dibawa keluar agar limpahan manfaat turut dirasakan oleh masyarakat umum. Ini yang seharusnya dilakukan sekiranya mahu memenangi dan berada dalam hati dan minda masyarakat. Justeru USIM telah mengenal pasti beberapa program libatsama komuniti dan industri dalam KPInya bagi tahun 2014 ini. Program-program libatsama yang dirancang adalah Perkhidmatan Pakar Perubatan dan Pergigian Bergerak, Pusat Pakar Kesihatan USIM, Perkhidmatan Perundingan bagi Industri Halal dan pelaksanaan program Islamic Student Outreach Program (GISO). Kita tidak sekadar bercakap, tetapi kita mengotakan apa yang kita katakan (*walk the talk*). Kesemua program libatsama komuniti dan Industri ini telah mula kita gerakkan malah telah ada program yang berjalan seperti GISO dan khidmat konsultasi industri halal yang diterajui oleh IHRAM.

Kita tidak harus melihat program libatsama komuniti ini sebagai semata-mata memenuhi tanggungjawab sosial USIM kepada masyarakat sahaja. Tanpa kita sedari, program kemasyarakatan seperti ini merupakan satu kuasa lunak (*soft power*) yang tidak ternilai harganya. Ingatan dan penghormatan kepada USIM yang berbekas di hati masyarakat tidak mungkin dapat dihitungkan dengan ganjaran material. Manakala libatsama dengan pihak industri memberi manfaat dari segi perpindahan pengetahuan dan pertukaran pengalaman.



### • **Penyelidikan dan Inovasi**

Dalam aspek penyelidikan, pembudayaan penyelidikan masih terus dipertingkatkan. KPI pada tahun 2014 adalah untuk mencapai markah MyRa sebanyak 65 (tahap 5 bintang) dengan ekpektasi jumlah penerbitan yang meningkat dan jumlah penyelidik utama melebihi 40%. Untuk memastikan ilmu Naqli dan Aqli menaungi penyelidikan dan inovasi berlaku, USIM akan meletakkan peruntukan geran USIM sebanyak RM500,000 sebagai permulaan.

### • **Pengantarabangsaan**

Pada tahun 2013, kita menyedari bahawa asas USIM telah diperkukuhkan dan ia berada di landasan yang betul. Justeru, strategi dan perancangan perlu dipersiapkan untuk menjadikan USIM sebuah institusi pendidikan tinggi yang unggul dan berdiri yakin di pentas global. Bagi mencapai matlamat ini, Pejabat Perhubungan Antarabangsa yang sebelum ini entitinya berada di bawah Bahagian Komunikasi Strategik telah distruktur semula menjadi sebuah PTJ yang berasingan dikenali sebagai Pusat Perhubungan Antarabangsa. Kepada pusat inilah, agenda pengantarabangsaan USIM diamanahkan. Langkah mengadakan penstrukturan semula ini adalah tepat pada waktunya kerana USIM tidak lagi boleh bercakap tentang hal yang berkisar di sekitarnya sahaja atau hanya merangka strategi untuk bagaimana mengakses pengetahuan dan kepakaran dari dunia luar.



Dalam hal ini USIM perlu menjadi aktif dan proaktif dengan meluaskan rangkaian kerjasama strategik dengan universiti-universiti dan institusi penyelidikan antarabangsa. Ini adalah prasyarat sekiranya USIM mahu meneruskan jangka hayat pada masa hadapan dan memberi manfaat kepada manusia sejagat menerusi agenda integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Masa depan USIM juga bergantung kepada sejauh mana keupayaannya untuk terus mengangkat dirinya sebagai pemimpin institusi pendidikan berteraskan Islam yang berdaya maju dan relevan dalam arus perdana.

Dalam hal ini, kekuatan kita terletak kepada pendekatan pendidikan yang unik iaitu mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli yang bukan sahaja terangkum dalam kurikulumnya bahkan dalam segala aspek, dari penyelidikan kepada pembangunan



sahsiah sehingga penyediaan perkhidmatan. Keunikan ini membezakan USIM dari mana-mana institusi berteraskan Islam di dunia ini. Justeru, kita perlu memanfaatkan kekuatan yang kita ada ini dan bekerja ke arah budaya dan kualiti institusi yang tertanam dengan pandangan Islam sejagat dalam setiap sudut. Maka hasil yang kita akan perolehi nanti adalah sebuah komuniti USIM yang berjiwa global.

Dengan itu, USIM mewajibkan pelajarannya hendaklah sekurang-kurangnya sekali dalam sepanjang pengajian untuk terlibat dengan program pengantarabangsaan. Ia boleh atas tiket GISO, latihan industri, lawatan ilmiah dan sebagainya. Ini penting supaya pelajar kita dapat menimba satu pengalaman lain kerana pengalaman merupakan guru terbaik dalam mematangkan seseorang individu. Namun kita sedar, program seumpama ini memerlukan perbelanjaan tertentu. Dengan yang demikian, sebagai tanda komitmen untuk menyuburkan lagi program pengantarabangsaan pelajar, USIM telah menubuhkan Skim Pembiayaan Program Pengantarabangsaan Pelajar ataupun *Matching Grant for Outbound Mobility Programme*. Dengan skim ini, pelajar yang memenuhi kriteria dan syaratnya, Universiti akan menambah RM450 lagi dan pelajar kini mempunyai RM900 untuk menampung program pengantarabangsaan yang disertai.



## SKIM PEMBIAYAAN PROGRAM PENGANTARABANGSAAN PELAJAR



### MATCHING GRANT FOR OUTBOUND MOBILITY PROGRAMME

Untuk mengukuhkan rakan strategik dan untuk memastikan program pengantarabangsa adalah berstruktur, USIM akan memberi penumpuan kepada rakan strategik terpilih pada sesuatu masa. Pada tahun ini USIM memilih Negara China di mana kita akan melancarkan program *Learn Mandarin from "Sifu"* iaitu kita berhasrat untuk memperkukuhkan penguasaan Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga di kalangan pelajar serta mewujudkan i-Global School Network iaitu konsep seakan-akan sekolah angkat, tetapi ia melibatkan kerjasama dengan sekolah-sekolah di negara luar yang terpilih. Kerjasama ini saya lihat merupakan satu strategi pintar kerana sekolah-sekolah berkenaan akan menjadi feeder kepada USIM.



# JOM KE CHINA !

LEARN  
MANDARIN  
FROM 'SIFU'

*i*-GLOBAL  
SCHOOL  
NETWORK

## • Peningkatan Sahsiah dan Nilai Murni

Kita sedia maklum bahawa USIM belum mempunyai bangunan Pusat Islam. Khabar gembira untuk saya kongsi bersama adalah kita bakal mempunyai Pusat Islam yang dijangka pembinaannya akan bermula pada bulan Mei 2014. Saya yakin, program-program bersifat keislaman akan lebih mantap selepas ini seperti program bagi membendung dan memantau usaha pengembangan ajaran/amalan yang memesongkan pegangan akidah umat Islam.





## RUMUSAN

Sebagai rangkuman kepada ke manakah hala tuju dan apakah yang hendak kita capai pada tahun ini, saya simpulkan kepada 7 kata kunci utama berikut iaitu USIM bertekad untuk:

1. Melahirkan graduan yang seimbang dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa;
2. Menyediakan kurikulum Naqli-Aqli yang unik;
3. Melakukan penyelidikan yang relevan pada industri dan mampu membantu kesejahteraan hidup rakyat dan ummah;
4. Berusaha ke arah kelestarian kewangan;
5. Memberi perkhidmatan ke arah pematuhan syariah;
6. Menyediakan governan untuk menarik dan mengekalkan bakat yang terbaik; dan
7. Memindahkan ilmu untuk membawa perubahan yang lestari kepada masyarakat

Insyaa-Allah tujuh matlamat yang kita sasarkan tersebut akan memandu kita bagi melaksanakan agenda besar untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Komunikasi Strategik (StraComm), Pejabat Naib Canselor, Pejabat Timbalan Naib Canselor, Pejabat Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti, Pusat Perhubungan Antarabangsa, Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf, Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti, Pusat Teknologi Maklumat, Pusat Pengurusan Penyelidikan, Bahagian Pengurusan Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan semua yang terlibat

secara langsung atau tidak langsung yang telah mewakafkan masa bekerja hingga lewat malam untuk menyiapkan amanat dan majlis amanat ini. Sesungguhnya tuhan sajalah yang dapat membalas budi tuan/puan sekalian. Untuk semua para ilmuwan, warga staf USIM yang saya hormati dan semua pelajar USIM yang dikasihi, Selamat Menyambut Tahun Baru 2014. Semoga diberkati selalu dan didoakan Allah permudahkan usaha murni yang ingin kita lakukan pada tahun 2014.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Terima kasih.

Profesor Dato' Dr. Asma Ismail  
20 Mac 2014







**Penerbit**  **USIM**

ISBN 978-967-440-081-1



9 789674 400811

<http://penerbit.usim.edu.my>